

Henti permusuhan sesama Islam

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 21 Mei - Orang Melayu perlu menghentikan permusuhan sesama sendiri yang hanya akan mengundang derita serta menyekat usaha memartabatkan kaum tersebut.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin (**gambar**) berkata, langkah itu perlu jika mereka mahu mendaulatkan agama Islam di negara ini.

Sehubungan itu katanya, mereka mesti melupakan soal politik kepartian sama ada mereka ahli UMNO, Pas atau Parti Keadilan Rakyat (PKR).

“Ertinya apabila kita sebut hal agama Islam, hendaklah perkara itu diletakkan pada aras paling atas,”

Semasa kita membincangkan bagaimana hendak meningkatkan agama Islam, memperkukuhkan ekonomi masyarakat Islam, kredibiliti dan minda umat Islam, maka kita juga harus melupakan segala percanggahan pandangan dan ideologi

ABDUL SHUKOR HUSIN

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Peringkat Kebangsaan 2013: Rawatan Pemulihan Berteraskan Islam anjuran Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asian (ACREDA)

USIM, Nilai dekat sini hari ini.

Menurutnya, sebagai contoh, apabila duduk dalam masjid dan membincangkan tentang masyarakat, mereka harus melupakan soal parti yang diwakili dan hendaklah duduk sebagai umat Islam sejati.

“Semasa kita membincangkan

bagaimana hendak meningkatkan agama Islam, memperkukuhkan ekonomi masyarakat Islam, kredibiliti dan minda umat Islam, maka kita juga harus melupakan segala percanggahan pandangan dan ideologi,” katanya.

Abdul Shukor berkata, apa yang penting mesti ada keyakinan dan matlamat secara bersama iaitu mahu melihat agama, masyarakat dan bangsa diletakkan pada satu kedudukan lebih baik berbanding orang lain.

“Saya tahu mekanismenya mungkin berbeza, tetapi ingat matlamatnya hendaklah satu dalam bab



agama dan sebagainya,” katanya.

Beliau turut menegaskan, biarpun duduk dalam masyarakat beragama Islam di negara ini, tetapi yang bukan beragama Islam juga harus difahami hak mereka dalam soal beragama.

“Kita harus menghormati hak mereka selagi mereka menghormati kita,” tegas beliau.

Abdul Shukor turut menegaskan, semua umat Islam harus memperkuatkan kemampuan intelektual, ekonomi, kefahaman serta perpaduan mereka dari yang utama hendaklah hormat menghormati antara satu sama lain.